

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN WONG HON WAI [BUKIT BENDERA]

SOALAN NO. 474

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bilangan pelajar lepasan STPM dan Matrikulasi yang mendapat PNGK 4.0 ditawarkan dengan pilihan pertama ke Institusi Pengajian Tinggi Awam bagi sesi akademik lima tahun kebelakangan ini mengikut aliran STPM atau Matrikulasi.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mengamalkan prinsip meritokrasi yang menggunakan 90% markah akademik dan 10% markah kokurikulum di dalam pemilihan kemasukan pelajar ke IPTA dan ILKA. Berdasarkan prinsip meritokrasi, semua calon yang layak dengan markah merit tertinggi tanpa mengira kaum, agama, negeri, taraf hidup dan tempat tinggal diberi peluang untuk mengikuti pengajian di Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA) dan Institut Latihan Kemahiran Awam (ILKA). Calon-calon yang layak dan memenuhi Syarat Am, Syarat Khas Program Pengajian serta kriteria pemilihan yang telah ditetapkan akan dipertimbangkan berdasarkan kepada pilihan program pengajian yang dipohon oleh calon.

Saban tahun KPM telah menerima peningkatan bilangan permohonan kemasukan ke peringkat Ijazah Pertama daripada calon cemerlang dengan keputusan PNGK 4.0 di peringkat STPM, Matrikulasi dan Asasi. Pada sidang akademik 2014/2015, KPM telah menerima sebanyak 3,069

NO. SOALAN: 474

permohonan, sebanyak 3278 permohonan pada sidang akademik 2015/2016, sebanyak 3,360 pada sidang akademik 2016/2017 dan sebanyak 3800 pada sidang akademik 2018/2019. Peningkatan sebanyak 24%(731) dalam tempoh 2014 hingga 2018. Kesemua calon PNGK 4.0 telah berjaya diberikan program pengajian mengikut pilihan masing-masing dengan 58% di program pengajian pilihan pertama.

RT57/474